



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 1998

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 1998
PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi bantuan khas kewangan bagi tahun 1998 kepada anggota Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

LATARBELAKANG

2. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan dan kebajikan semua anggota dalam sektor awam. Selaras dengan hasrat ini, Kerajaan telah membuat keputusan memberi bantuan kewangan sebanyak RM400 bagi tahun 1998 untuk meringankan bebanan perbelanjaan persekolahan dan lain-lain bagi anggota dalam sektor awam semasa kegawatan ekonomi negara.

PELAKSANAAN

3. Bantuan khas ini adalah diberi kepada semua anggota PDRM **yang sedang berkhidmat** kecuali bagi pegawai tinggi PDRM yang setaraf dengan Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tinggi.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

4. Anggota PDRM berikut tidak layak menerima bantuan khas ini-

4.1 Anggota PDRM yang mengambil cuti tanpa gaji sepanjang tahun 1998;

4.2 Anggota PDRM yang dikenakan hukuman tatatertib selain dari hukuman amaran.

KADAR

5. Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 1998 telah ditetapkan sebanyak RM400 untuk semua anggota PDRM yang layak.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa pada tarikh 3 Disember 1998.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mazlan Bin Ahmad', with a long, sweeping underline stroke extending to the left.

(TAN SRI DR MAZLAN BIN AHMAD)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

7 Disember 1998